

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N07 SUNGAI PUYU

Kesan Kepesatan Projek Pembangunan & Pengurusan Infrastruktur Kepada Alam Sekitar dan Kesejahteraan Penduduk di Pulau Pinang.

Assalamualaikum W.B.T., salam sejahtera dan salam Malaysia Madani

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rakan-rakan Yang Berhormat daripada pihak kerajaan, barisan pembangkang, dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berucap walaupun dalam masa yang singkat ini. Ucapan saya pada pagi yang mulia ini akan menyentuh tentang perkara yang berkait rapat dengan kelestarian negeri Pulau Pinang dan sangat signifikan untuk diambil perhatian dan dengan itu izinkan saya mengusulkan cadangan mengenai **Kepesatan Projek Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur Terhadap Alam Sekitar dan Kesejahteraan Penduduk di Pulau Pinang.**

Dato' Yang di-Pertua,

Berdasarkan data demografi dari portal rasmi kerajaan Pulau Pinang pada tahun 2021, negeri ini mempunyai seramai 1.7 juta penduduk dan dianggarkan secara purata sebanyak 1.8 juta penduduk dengan kepadatan 1,710/km² pada tahun ini. Peningkatan bilangan penduduk ini memerlukan pembangunan perumahan, infrastruktur, dan projek mega. Sebagai contoh projek penambakan laut yang pesat ini memberi tekanan kepada sumber air, kehilangan habitat semula jadi, dan risiko banjir.

Persoalan:

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan projek penambakan laut ini tidak mengancam kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan penduduk?

Cadangan:

Perketatkan undang-undang alam sekitar dan pastikan semua projek melalui proses Penilaian Impak Alam Sekitar atau dengan izin dinamakan Environmental Impact Assessment (EIA) yang lebih teliti dan holistik.

Saya berharap perbahasan ini dapat membawa kepada tindakan yang bermanfaat.

Sekian, terima kasih.

Muhamad Noraiman Syafiq Bin Abdul Halim

N07 Sungai Puyu

Sidang Muda 2024

